

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA
Tarikh : 4 APRIL 2003
**Tajuk : MAJLIS PELANCARAN JOINT MEDIA TEAM MALAYSIA KE TIMUR
TENGAH**

Yang Berhormat Tan Sri Khalil bin Yaakob,
Menteri Penerangan Malaysia,

Yang Berbahagia Ketua- Ketua Pengarang Media Cetak,

Pengurus -Pengurus Besar Stesen Televisyen

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Penerangan, khususnya kepada Tan Sri Khalil atas jemputannya kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata pada majlis pelancaran Joint Media Team Malaysia petang ini. Sesungguhnya saya amat merasa bangga kerana diberi peluang untuk bersama Joint Media Team Malaysia yang akan memulakan misi murni mereka di Timur Tengah tidak lama lagi.

TUJUAN PENUBUHAN

Keputusan menubuhkan Joint Media Team Malaysia adalah berdasarkan kehendak masyarakat Malaysia yang mahukan maklumat yang tepat dan tidak berat sebelah terhadap sesuatu pihak. Laporan berat sebelah ini sering kali dipaparkan oleh media asing, khususnya media massa barat yang sering menyembunyikan fakta sebenar kepada umum. Sebaliknya, mereka memilih untuk memaparkan berita-berita yang telah mereka tapis mengikut selera dan citarasa mereka. Perkara ini berlaku sekali lagi semenjak Iraq diceroboh oleh tentera bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat. Ini dilakukan bagi mengaburi mata penonton dan media dijadikan saluran utama bagi menjustifikasikan pencerobohan tersebut.

Keadaan ini benar-benar mengecewakan, dan penonton merasakan mereka mendapat maklumat yang palsu, ataupun maklumat yang telah ditapis mengikut selera saluran media terbabit ataupun kehendak sesuatu negara dan sekutunya. Setelah masuk hari ke 15 pencerobohan di Iraq, media massa asing terus memaparkan berita-berita menyokong pencerobohan tentera bersekutu dan kejayaan mereka di medan perang. Penentangan masyarakat dunia terhadap pencerobohan ini kurang diberi perhatian, dan penonton terus disajikan dengan berita-berita berunsur propaganda. Maka atas sebab inilah, lahirnya Joint Media Team Malaysia, satu usaha yang diilhamkan bersama oleh komuniti media di

Malaysia. Inisiatif ini disokong oleh kerajaan, demi memberikan gambaran pencerobohan tersebut dari kacamata Malaysia.

PERANAN JMTM

Joint Media Team Malaysia (JMTM) sesungguhnya adalah satu usaha bersejarah kerana buat pertama kali, kumpulan seumpama ini ditubuhkan. Seramai 37 orang wakil dari agensi media telah dipilih bagi mengawasi situasi di Iraq dan merakamkan berita dan gambar-gambar di Iraq secara tepat dan seimbang. Berita-berita dan gambar-gambar yang dirakamkan ini juga akan didokumentasikan sebagai rujukan dan bahan kajian untuk kajian strategik, sumber maklumat untuk ucapan, persidangan dan pameran. Ini jelas membuktikan bahawa misi ini bukan sahaja satu misi kewartawanan biasa, misi ini juga turut menyumbang kepada sumber rujukan dan maklumat negara yang mampu digunakan generasi seterusnya.

PENINGKATAN PENCAPAIAN

Pencapaian media massa asing, khususnya media massa barat benar-benar mengagumkan. Dimana sahaja ada peristiwa yang mampu merubah corak dunia, disitulah akan ada wakil mereka. Inilah yang dilakukan oleh CNN dan BBC misalnya. Mereka tidak pernah ketinggalan untuk melaporkan isu-isu semasa dunia dimana sahaja ia berlaku dan dalam apa jua keadaan sekalipun. Ini telah mengubah corak kewartawanan dunia. Konflik-konflik berbahaya terus mendapat perhatian stesen penyiar besar dunia. Ini menyebabkan stesen-stesen penyiar tempatan terpaksa bergantung kepada mereka untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini berkaitan isu konflik dan peperangan. Saya kira kewartawanan di Malaysia perlu diubah mengikut kehendak semasa. Penghantaran Joint Media Team Malaysia ini akan meningkatkan lagi kebolehan wartawan-wartawan Malaysia dan akan membawa mereka ke satu tahap yang tinggi. Misi ini akan melatih para anggota Joint Media Team Malaysia untuk menjadi wartawan-unggul dan mampu menyaingi wartawan-asing di luar negara. Pengalaman dan pendedahan yang bakal ditimba amat berharga dan harus dikongsi bersama bagi meningkatkan kualiti profesion kewartawanan Malaysia.

PERANAN MEDIA MALAYSIA DI ARENA ANTARABANGSA

Sebagai Pengerusi kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan bakal mempengerusikan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia seharusnya dilihat memainkan peranan proaktif didalam isu-isu global. Kutukan Malaysia terhadap pencerobohan di Iraq patut mendapat perhatian masyarakat antarabangsa. Namun demikian, suara Malaysia didalam isu ini akan didengar dengan lebih jelas lagi apabila Malaysia mampu memaparkan kesan dan akibat daripada peperangan ini. Pertumpahan darah, tragedi kemanusiaan dan kesan akibat peperangan haruslah dilaporkan secara tepat. Saya percaya, sekiranya kita mampu melaporkan isu ini dengan baik dan seimbang, ramai negara-negara membangun akan juga merujuk kepada laporan media massa kita. Ini akan memberi pilihan tambahan kepada mereka untuk 'source' maklumat selain daripada bergantung kepada laporan media

massa dari negara negara barat sahaja. Inilah sebabnya saya melihat sumbangan yang bakal anda berikan amat berharga, bukan sahaja kepada negara kita, malah kepada negara-negara membangun.

KESELAMATAN ANGGOTA

Dalam hal ini, saya juga ingin menasihati anggota Joint Media Team Malaysia supaya berhati-hati kerana misi ini adalah merupakan misi yang berisiko tinggi dan sememangnya sukar. Anda akan memasuki zon peperangan dan akan terdedah kepada pelbagai bahaya. Berhati-hati di dalam pergerakan dan laksanakan perancangan yang sistematik dengan mengambil kira pelbagai faktor sebelum membuat sebarang keputusan. Walaubagaimanapun, anda akan dilengkapi dengan pelbagai peralatan keselamatan dan akan dibantu oleh pihak tempatan bagi memudahkan pergerakan, selain daripada doa kami semua untuk keselamatan dan kebajikan saudara-saudara.

PENUTUP

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kumpulan media massa di negara ini kerana telah mewujudkan Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia. Usaha ini menunjukkan bahawa media massa Malaysia turut memainkan peranan dan tanggungjawab dalam bersama-sama membantu meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Iraq akibat pencerobohan ini. Tahniah saya ucapkan.

Sekali lagi, saya amat berbangga dengan usaha gigih ini, dan saya berharap Joint Media Team Malaysia akan berjaya didalam misi mereka. Usaha ini sememangnya murni, dan harapan negara kini berada di bahu anda. Anda mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan dan rakyat Malaysia, dan kami akan sentiasa mendoakan keselamatan saudara dan saudari sekalian. Akhir kata, saya ucapkan semoga berjaya.

Terima kasih.